



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel : 05 - 450 6000
Fax : 05 - 459 5488

www.upsi.edu.my

E-mail : admin@upsi.edu.my



Pejabat Pendaftar

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/597(02/13)
Tarikh : 1 Februari 2013
20 Rabiulawal 1433H

SPP UPSI BIL. 2 TAHUN 2013

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/Prof./Tuan/Puan,

Syarat-syarat Pengesahan Dalam Jawatan Kakitangan UPSI

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa syarat-syarat pengesahan dalam jawatan bagi kakitangan UPSI adalah seperti yang dijelaskan di dalam SPP UPSI Bil. 5 Tahun 2011 yang bertarikh 1 Jun 2011. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013 terdapat perubahan syarat pengesahan dalam jawatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kakitangan yang masih belum disahkan dalam jawatan adalah diwajibkan untuk memenuhi syarat-syarat umum dan syarat-syarat tambahan bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.

3. Syarat-syarat pengesahan dalam jawatan yang baharu dan sedia ada adalah seperti maklumat di bawah:

3.1 Syarat-syarat umum pengesahan dalam jawatan:

Kumpulan Sasaran	Syarat-syarat Umum	Rujukan
Kakitangan UPSI bertaraf tetap	<ol style="list-style-type: none">Memenuhi tempoh percubaan 1 – 3 tahunMenghadiri dengan jayanya Program Transformasi Minda (PTM) - baharuLulus Peperiksaan Dalam Perkhidmatan (kakitangan Pentadbiran sahaja) - baharuDiperakukan oleh Ketua Jabatan	Pekeliling-pekeling Kerajaan yang sedang berkuat kuasa

3.2 Program Transformasi Minda (PTM) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013 dan pelaksanaannya adalah seperti yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012.

- 3.3 Pegawai yang disyaratkan mengikuti PTM adalah:
- 3.3.1 pegawai lantikan pertama pada atau selepas 1 Januari 2013 yang berkhidmat secara tetap dalam Perkhidmatan Awam; dan
- 3.3.2 pegawai dalam tempoh percubaan dan belum menghadiri Kursus Induksi - Modul Umum.
- 3.4 Pegawai yang sedang berkhidmat yang kemudiannya dilantik ke skim perkhidmatan atau perkhidmatan lain dikecualikan daripada menghadiri PTM dengan syarat:
- 3.4.1 hadir dengan jaya PTM; atau
- 3.4.2 hadir dengan jaya Kursus Induksi - Modul Umum; atau
- 3.4.3 lulus Peperiksaan Am Kerajaan di skim perkhidmatan terdahulu.
- 3.5 Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) Bil. 18/2012 yang bertarikh 11 Julai 2012 telah memutuskan bahawa **kakitangan Pentadbiran yang dilantik tetap mulai 1 Januari 2013 perlu lulus Peperiksaan Dalam Perkhidmatan** bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.
- 3.6 Syarat dalaman pengesahan jawatan kakitangan UPSI:

Kumpulan Sasaran	Syarat-syarat Tambahan	Rujukan
Guru & Kakitangan Pentadbiran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghadiri dengan jayanya kursus BITARA 2. Menghadiri dengan jayanya kursus Bahasa Inggeris – <i>Let's Speak English</i> 3. Bagi kumpulan Guru, perlu lulus <i>Placement Test</i> dan jika gagal atau tidak hadir perlu menghadiri kursus <i>Let's Speak English</i> 4. Memperolehi prestasi tahunan terkini sekurang-kurangnya 75% 	<p>MPE 13/2008</p> <p>MPE 18/2008</p>
Pensyarah Universiti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kursus Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) untuk DS45 dan DS51 2. Telah menjalankan penyelidikan sendiri ATAU menghasilkan penerbitan yang berkaitan dengan bidang kepakaran. Penyelidikan mesti dilaksanakan oleh: <ol style="list-style-type: none"> 2.1 Satu nama – satu Penyelidikan ATAU Penerbitan 2.2 Lebih daripada 1 nama – dua/lebih penyelidikan ATAU penerbitan 3. Menghadiri dengan jayanya kursus BITARA 	<p>MPE 25/2002</p> <p>MPE 09/2011</p> <p>Surat Arahan Jabatan Pengajian Tinggi KPTM</p>

Kumpulan Sasaran	Syarat-syarat Tambahan	Rujukan
	4. Perlu lulus <i>Placement Test</i> dan jika gagal atau tidak hadir perlu menghadiri kursus <i>Let's Speak English</i> 5. Memperolehi prestasi tahunan terkini sekurang-kurangnya 75% 6. Telah mendaftar untuk pengajian di peringkat PhD dalam bidang yang berkaitan (bagi Pensyarah DS45 – Kuat kuasa 1 Mei 2011)	

4. Sehubungan itu, kakitangan yang masih belum disahkan dalam jawatan perlu melengkapkan terlebih dahulu syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam jadual bagi tujuan untuk pengesahan dalam jawatan.

5. Dengan berkuat kuasanya SPP UPSI ini, SPP UPSI Bil. 5 Tahun 2011 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN"

Yang benar,



(DATO' RUSLEY BIN TAIB)
 Pendaftar
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k
 Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)